

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. LATAR BELAKANG PERMASALAHAN

Kajian bahasa dalam apa corak dan pentakrifan sekalipun mesti bermula dengan huraian mengenai apa itu bahasa dan peranannya dalam perhubungan manusia (Devito, 1973:7). Ini kerana bahasa memainkan peranan amat besar dalam kehidupan seharian kita (Bloomfield, 1967:3).

Kita menggunakan bahasa untuk berkomunikasi antara satu sama lain, untuk melahirkan reaksi peribadi terhadap situasi-situasi, untuk merangsangkan tindak balas dalam seseorang dan juga untuk menganalisis dan mentafsir sesuatu dalam bentuk pertuturan (Montgomery Jr. & Sutherland Jr., 1962:15).

Pembelajaran bahasa juga merupakan suatu kegiatan yang kompleks dan boleh merupakan faktor yang menentukan sama ada sesebuah negara itu bersatu teguh atau berpecah

belah, berkembang maju menjadi negara perindustrian atau kekal sebagai negara pertanian, hidup terasing dan bersifat bongkak atau dipengaruhi dan mempengaruhi negara-negara lain (Jakobovits, 1970:vii).

Lantaran itu, bahasa sebagai sistem simbol yang digunakan untuk melahirkan persepsi, emosi dan kognisi serta imaginasi para penutur merupakan manifestasi lisan keseluruhan kehidupan sosiobudaya sesuatu kumpulan sosial (Nik Safiah Karim, 1978:12).

Menurut Definisi Linguistik, bahasa adalah sesuatu sistem simbol yang terdiri daripada bunyi-bunyi yang diucapkan oleh manusia, yang dipersetujui bersama oleh sekelompok manusia, yang dipelajari oleh kelompok manusia itu dan dengan menggunakan simbol-simbol itu manusia berkomunikasi (Lutfi Abas, 1972:4).

Daripada segi tatabahasa iaitu huraian mengenai wujudnya sistem bahasa, kumpulan bunyi itu berupa morfem, kata, frasa, klausa dan ayat. Dan daripada skala tatatingkat, unit morfem terletak pada tingkat paling

bawah manakala ayat pada tingkat paling tinggi (Asmah Hj. Omar, 1980:1). Gambarajah skala tatatingkat itu adalah seperti berikut:

ayat
klausa
frasa
kata
morfem

Ayat merupakan bentuk ujaran sempurna dan bahagian-bahagian yang membentuk ujaran itu ialah klausa, frasa, kata dan morfem. Bentuk ujaran sempurna bermakna ucapan yang lengkap yang ditandai oleh lagu pertuturan yang sempurna di awal dan di akhir ucapan itu (Hashim Musa, 1984:1). Contoh:

1. # Kita wanita Islam #
2. # Ali ke pejabat #
3. # Mereka tidak ke sekolah kerana hari ini cuti am #

4. # Kehidupan di sini amat kurang menyenangkan dan serba kekurangan #

5. # Anita terus bercerita dengan panjang lebar #

Walau bagaimanapun, semasa membentuk sesuatu ayat, kita mesti terlebih dahulu menyatakan sesuatu perkara/tempat/orang/benda dan kemudian menceritakan mengenai perkara/tempat/orang/benda itu. Sekiranya tidak berbuat demikian, kita tidak akan dapat membentuk ayat yang sempurna.

Subjek sesuatu ayat itu merupakan perkara/tempat/orang/benda yang diceritakan sementara predikat pula ialah apa yang diceritakan mengenai perkara/tempat/orang/benda itu (Walcott, Thorpe & Savage, 1940:61-62).

Kajian mengenai ayat banyak dilakukan setakat ini. Selain Walcott, Thorpe & Savage (1940), kalangan ahli bahasa asing yang pernah mengusahakan kajian mengenai ayat secara umum ialah Jespersen (1924), Barker (1939),

Chomsky (1957 & 1965), Bloomfield (1967), Lewis (1969), Payne (1970) dan Stockwell, Schacter and Partee (1973).

Manakala di kalangan ahli bahasa tempatan, antara mereka yang pernah membuat kajian mengenai ayat secara umum ialah Za'ba (1953), Lutfi Abas (1972), Asraf (1978), Asmah Hj. Omar (1980), Arbak Othman (1981), Abdullah Hassan (1982) dan Nik Safiah Karim, Hashim Musa, Farid Onn serta Abdul Hamid Mahmood (1986).

Kalangan mereka yang pernah mengkaji aspek-aspek ayat secara khusus pula ialah Nik Safiah Karim (1979), dan Sanat Nasir (1985).

Hasil daripada kajian-kajian itu, didapati bahawa ayat boleh terbentuk daripada satu perkataan atau susunan beberapa perkataan yang diucapkan dengan intonasi sempurna, iaitu dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan (Nik Safiah Karim, et al, 1986:37). Contoh:

6. # Mesti? #
7. # Ali guru #
8. # Amboi! Cantiknya budak itu #
9. # Hampir setiap hari dia didatangi beberapa orang pesakit baru #
10. # Mumtaz pernah memberitahu Fiztri bahawa dia takut pada cermin #

Walau bagaimanapun, penentuan kepada jenis ayat tertakluk kepada bilangan dan bentuk klausa yang terkandung dalam ayat itu.

Ayat yang mengandungi satu klausa sahaja dikenali sebagai ayat selapis atau ayat tunggal (Za'ba, 1953, Asmah Hj. Omar, 1980, Nik Safiah Karim, et al, 1986).

Contoh:

11. Aku belum yakin kepada diri sendiri.
12. Aku tahu!
13. Mereka ketawa berdekah-dekah.
14. Kautahu berapa usiaku sekarang?
15. Pelayan mengambil tempahan mereka.

Ayat yang mengandungi dua klausa atau lebih pula dikenali dengan pelbagai nama berdasarkan taraf dan cara klausa-klausa itu dihubungkan. Pada umumnya, jenis ayat yang mempunyai dua klausa atau lebih boleh dibahagikan kepada tiga bentuk. Berikut ialah tiga bentuk ayat tersebut, contoh-contoh dan juga pelbagai nama yang diberikan kepada masing-masing bentuk oleh para ahli bahasa yang telah membuat kajian ke atas bidang ayat ini.

1. sederetan ayat selapis yang setaraf yang dihubungkan oleh kata hubung gabungan dan, tetapi, lalu, ...

Contoh:

16. Wanita itu mengangguk-angguk tetapi masih meragu-ragui kata-katanya.
17. Fiztri dan Mumtaz berpandangan.
18. Kita boleh makan dalam suasana tenteram di tepi sungai sambil melihat airnya mengalir.
19. Param membeli buku ini atau buku itu?
20. Joan menjerit lalu menangis.

Ayat-ayat demikian telah diberi pelbagai nama oleh para ahli bahasa, misalnya **ayat berlapis** (Za'ba, 1953:277, Raja Mukhtaruddin R.M.Dain, 1974:53, Raminah Sabran & Rahim Syam, 1985:185), **klausa kompleks setara** (Asmah Hj. Omar, 1980:324), **ayat majmuk setara** (Abdullah Hassan, 1982:201) dan **ayat majumuk** (Liaw Yock Fang, 1985:192).

2. satu ayat kecil atau lebih yang dipancangkan ke dalam ayat induk melalui penggunaan kata-kata hubung pancangan **walaupun**, **sungguhpun**, **tatkala**, **meskipun**,

... Contoh:

21. Tukpin tidak nyanyuk walaupun setua Tukpiah.
22. **Apabila balik**, Tukpiah mengambil buah enam-enam.
23. Hisyam menyampaikan ceramah yang baik.
24. Dia memberitahu bahawa dia akan meletakkan jawatan.
25. Nasir yang akan menduduki peperiksaan SRP tahun ini mula menggigil ketakutan.

Ayat-ayat demikian dikenali dengan pelbagai nama, misalnya **ayat berkait** (Za'ba, 1953:279, Raja

Mukhtaruddin R.M.Dain, 1974:53, Raminah Sabran & Rahim Syam, 1985:185), klausa kompleks tak setara (Asmah Hj. Omar, 1980:323), ayat majmuk berlapis (Abdullah Hassan, 1982:201) dan ayat kompleks (Liaw Yock Fang, 1985:194).

3. ayat yang mengandungi kedua-dua bentuk 1 dan 2 yang digabungkan. Contoh:

26. Apabila polis tiba untuk menyelak akhbar penutup tubuh Encik Bahadur, baharulah dapat Muhammad Wari melihat wajah Encik Bahadur yang terakhir.
27. Kata-kata Amita itu menjadi tarikan dan dorongan yang kuat kepada Sasih untuk melupakan desanya dan cuba mengadu nasibnya di kota.
28. Tukpiah menggelepar kerana kesejukan tetapi merasa puas.
29. Ayah belum sedar bahawa di kota di benua tempat saya belajar dahulu, masjid-masjid didirikan, kuliah agama bergema tak mengira waktu dan musim, solat dan doa diangkat untuk Tuhan Rabbulalamin.

Ayat-ayat demikian juga dikenali dengan pelbagai nama, misalnya, ayat bercampur (Za'ba, 1953:283, Raja Mukhtaruddin R.M.Dain, 1974:55) dan ayat majmumk/bercampur (Raminah Sabran & Rahim Syam, 1985:188).

Berdasarkan ini, didapati bahawa ketidak selarasan penggunaan istilah berlaku dalam menamakan bentuk-bentuk ayat yang terdiri daripada dua klausa atau lebih.

Kebanyakan ahli bahasa tersebut lebih bersifat tradisional dalam erti kata mereka tidak mengemukakan bentuk-bentuk ayat itu secara khusus dan terperinci tetapi hanya membuat penggolongan umum sahaja.

Contohnya, ayat berkait yang dikemukakan oleh Za'ba (1953:279-283) sebenarnya merupakan penggolongan umum beberapa bentuk ayat. Ini kerana dalam kategori ini, bukan hanya terdapat satu bentuk ayat yang terdiri daripada dua atau lebih klausa malah kalau ditinjau daripada segi taraf dan cara-cara klausa-klausa itu dihubungkan, beberapa bentuk ayat boleh diperolehi.

Dengan itu, dapat dikatakan bahawa kebanyakan kajian yang dilakukan ke atas bidang ayat yang mempunyai dua klausa atau lebih itu mengandungi ciri tatabahasa tradisional. Ini demikian kerana, menurut Asmah Hj. Omar (1975:151:1):

"A prominent characteristic of the traditional type of grammar is that different categories are lumped together in their exposition".

Setelah membuat penelitian dan pengkajian ke atas pelbagai jenis istilah yang digunakan oleh para ahli bahasa bagi ayat yang mengandungi dua klausa atau lebih itu, pengkaji berpendapat bahawa istilah yang tepat untuk menerangkan jenis ayat ini ialah **ayat majmuk**.

Menurut Kamus Dewan (1984:727), majmuk bererti sesuatu yang terdiri daripada beberapa bahagian tetapi merupakan satu kesatuan.

Lewis (1969:76-78) pula menyatakan bahawa ayat yang mengandungi dua klausa atau lebih itu dikenali sebagai

compound sentence atau dalam bahasa Melayu (BM), ayat majmuk. Beliau juga menyatakan bahawa klausa-klausa dalam ayat itu boleh dihubungkan secara kordinat atau subordinat.

Cara menghubungkan ayat-ayat secara kordinat ialah dengan menggunakan kata hubung gabungan seperti **dan**, **lalu**, ... sementara cara menghubungkan ayat-ayat secara subordinat ialah dengan memancangkan ayat kecil kepada ayat besar dengan menggunakan kata hubung pancangan seperti **bahawa**, **supaya**, ...

Pada 1986, empat orang ahli bahasa tempatan, Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood, bekerja bersama untuk menghasilkan sebuah buku tatabahasa, Tatabahasa Dewan, Jilid 1: Ayat. Dalam buku ini (yang disemak semula pada 1987), mereka mengkhususkan satu bab untuk kajian ke atas ayat yang mengandungi dua klausa atau lebih yang dinamai mereka sebagai **ayat majmuk**. Mereka telah menggolongkan ayat majmuk kepada tiga jenis yang utama (1986:97-117):

1. ayat majmuk gabungan
2. ayat majmuk pancangan
3. ayat majmuk campuran

1. **ayat majmuk gabungan** merupakan percantuman beberapa ayat selapis dengan menggunakan kata-kata hubung gabungan dan, lalu, Contoh:

31. Airnya tumpah ke lantai papan dan terus meleleh ke bawah rumah.
32. Mereka bangun lalu turun ke sawah.
33. Sakit adiknya bukan sahaja tidak reda malahan bertambah teruk.
34. Mereka melompat-lompat sambil menjerit dengan kuat.
35. Dia sendiri tidak suka mencium bau itu tetapi terpaksa.

2. **ayat majmuk pancangan** ialah ayat yang mengandungi satu ayat utama atau ayat induk dan satu atau beberapa ayat kecil lain yang dipancangkan di dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk itu. Contoh:

36. Hazlina kenal suara yang menarik itu.
37. Tenaganya yang kuat dahulu akan bertukar menjadi lemah sekali.
38. Bing Yi hendak menjelaskan kepadanya bahawa sebenarnya anaknya tidak memerlukan vitamin.
39. Ibunya bersusah hati kerana kehabisan wang.

Ayat majmuk pancangan dapat dibahagikan kepada tiga jenis:

- (i) ayat relatif
 - (ii) ayat komplemen
 - (iii) ayat berketerangan
- (i) **ayat relatif** dapat dikenali dengan penggunaan kata relatif yang. Contoh:
40. Ketiga-tiga anaknya yang mengelilingnya tadi tiba-tiba hilang.
41. Tuk Tin terus merangkak dalam ruang rumah yang gelap itu.

(ii) ayat komplement dicirikan oleh penggunaan kata-kata komplement bahawa. Contoh:

42. Kami mengetahui bahawa ayahnya meninggal dunia.
43. Badan ini berpendapat bahawa realisme memesongkan realiti.

(iii) ayat berketerangan dicirikan oleh kehadiran ayat kecil yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat sebelumnya. Contoh:

44. Perbualan mereka terhenti apabila loceng dibunyikan.
45. Dia segera menutup muka untuk menghilangkan pandangan itu.

3. ayat majmuk campuran merupakan campuran ayat majmuk gabungan dengan ayat majmuk pancangan. Contoh:

46. Kerana desakan perempuan tua itu dan rintihan adik, ibu Bing Yi mendukung anaknya itu ke sana dengan harapan yang tipis.

47. Apabila ibunya memberitahu jururawat bahawa dia meminta supaya anaknya diubati dahulu dan ongkosnya dibayar kemudian, wajah jururawat itu berubah dengan serta-merta dan dengan sikap yang sompong, dia mendongak masuk ke bilik doktor.

Dalam membuat kajian ke atas satu aspek ayat majmuk iaitu ayat majmuk berketerangan, pengkaji akan menggunakan buku ini (Tatabahasa Dewan, Jilid 1:Ayat) sebagai panduan memandangkan bidang ayat majmuk yang termuat dalamnya menunjukkan ciri-ciri keterperincian daripada segi penganalisisannya.

1.2. TUJUAN KAJIAN

Bidang ayat majmuk merupakan bidang yang amat luas. Ramai ahli bahasa telah menyentuh pelbagai aspek ayat majmuk, contohnya, ayat majmuk gabungan (Lutfi Abas:1976), ayat majmuk pancangan komplemen (Sanat Nasir:1985) dan ayat majmuk secara am (Za'ba:1953, Nik Safiah Karim:1979 dan Hashim Musa:1984).

Tujuan kajian ini ialah untuk meneliti dan mendalami aspek ayat berketerangan daripada segi pentakrifan dan penjenisannya dan kedudukan ayat keterangan dalam ayat majmuk.

Sebab-sebab kajian ini dilakukan ialah:

1. untuk menentukan takrif ayat berketerangan, ayat keterangan dan kata hubung pancangan.
2. untuk menentukan fungsi ayat keterangan dalam kes ayat berketerangan yang terdiri daripada lebih daripada satu ayat keterangan iaitu sama ada ayat keterangan itu berfungsi menerangkan ayat induk atau predikat yang terletak sebelumnya atau kedua-duanya sekali.
3. untuk mengenal pasti jenis-jenis ayat berketerangan yang ada dalam BM dan juga pelbagai bentuk kata keterangan yang boleh digunakan dalam ayat majmuk jenis ini.
4. untuk mengenal pasti proses-proses transformasi yang umumnya dilalui ayat berketerangan.

1.3. BIDANG KAJIAN

Kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada aspek sintaksis. Kajian ini juga merangkumi aspek penjenisan ayat berketerangan dan unsur-unsur tatabahasa dan semantik yang didukungnya serta contoh-contoh penghasilannya.

1.4. BAHAN KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan data yang dikumpulkan daripada dua jenis bahan iaitu penulisan akademik dan umum.

Yang dimaksudkan dengan bahan akademik di sini ialah karya-karya yang, antara lainnya, memuatkan fakta-fakta dan mempunyai bibliografi yang sempurna. Bagi kategori ini, bahan-bahan yang akan digunakan ialah esei-esei (sebanyak tiga esei sebulan) mengenai pelbagai aspek bahasa yang termuat dalam Jurnal Dewan Bahasa sepanjang 1986.

Bahan umum pula merangkumi bahan-bahan separa akademik iaitu rencana yang kandungannya memuatkan fakta dan bukan fakta (misalnya, pendapat penulis) dan yang sama ada mengandungi bibliografi yang lengkap atau tidak serta karya-karya kreatif.

Bahan rujukan yang digunakan untuk kategori bahan umum ini ialah ruangan sudut editor dalam Jurnal Dewan Bahasa, cerpen-cerpen dalam majalah Dewan Masyarakat dan novel Menanti Sinar karya Lokman Dollah. Bahan-bahan ini merupakan keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1986.

Penerbitan DBP dipilih memandangkan pertubuhan itu merupakan agensi perancangan bahasa kebangsaan dan diandaikan bahawa bahasa yang digunakan dalam penerbitannya mesti yang bertaraf dan bermutu tinggi. Lingkungan masa sepanjang 1986 pula dipilih untuk melihat kekerapan penggunaan ayat majmuk berketerangan dalam bahan-bahan yang dikaji itu dalam tempoh tersebut.

1.5. KAE DAH DAN CARA KAJIAN DIJALANKAN

Kesemua bahan kajian yang tersenarai di atas akan dibaca keseluruhannya dan data-data yang sesuai iaitu ayat berketerangan akan dikutip. Data-data yang dikutip itu akan dilekatkan pada kad-kad kecil bagi kemudahan rujukan apabila membuat penganalisisan nanti.

Untuk tujuan penganalisisan, kaedah teori Tatabahasa Transformasi-Generatif (TTG) akan digunakan. Ini bermakna setiap data yang berupa ayat berketerangan akan dikutip dan dianalisis dengan menggunakan rajah kurungan dan rajah pohon.

TTG dipilih kerana, menurut Postal (1964), teori ini menggabungkan tatabahasa tradisional dengan penjelasan tatabahasa moden untuk memberiuraian bahasa yang dapat menjadi asas penjelasan bagi penghasilan dan pemahaman ayat.

1.6. HIPOTESIS KAJIAN

Penyelidikan ini berlandaskan dua premis:

1. Di antara pelbagai jenis ayat yang terdapat dalam BM, terdapat satu jenis ayat yang tergolong dalam struktur ayat majmuk yang dikenali sebagai ayat berketerangan.
2. Kata hubung pancangan mesti wujud di antara ayat-ayat yang terdapat dalam ayat berketerangan.

1.7. KONSEP-KONSEP

Berikut ini ialah beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini.

1. Bahasa

Bahasa bermaksud jenis pertuturan yang digunakan oleh orang ramai yang menganggotai satu-satu masyarakat bahasa dan tidak pula khusus untuk satu-satu kumpulan (Hartmann & Stork, 1972:29).

2. Tatabahasa

Tatabahasa ialah satu teori yang menguraikan satu sistem yang berperaturan yang kemas lagi teratur (Arbak Othman, 1981:1) yang diterangkan secara berperingkat-peringkat menurut skala tatatingkat tatabahasa yang meletakkan morfem pada tingkat paling bawah dan ayat pada tingkat paling tinggi (Asmah Hj. Omar, 1980:1) untuk menghasilkan ujaran-ujaran yang sempurna (Hashim Musa, 1984:1).

3. Ayat

Ayat ialah suatu bentuk linguistik yang dapat berdiri sendiri dan mempunyai susunan tertentu berdasarkan tekanan, intonasi dan hentian tertentu (Abdul Halim Yusoff, 1977:34-35).

4. Ayat Tunggal

Ayat tunggal ialah bentuk ujaran yang mengandungi satu klausa sahaja iaitu terdapat di dalamnya, satu

konstituen subjek dan satu konstituen predikat, lagu pertuturan di akhirnya mengandungi kesenyanapan yang sempurna (Hashim Musa, 1984:5).

5. Ayat Majmuk

Ayat majmuk ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih daripada dua ayat tunggal sama ada disambung secara terus-menerus dengan menggunakan kata sambung seperti dan, tetapi, lalu atau dengan sistem hubungan yang lebih rumit yang memerlukan proses-proses yang memasukkan atau menggugurkan struktur-struktur tertentu, misalnya memasukkan kata-kata hubung pancangan yang, bahawa, supaya, ... (Nik Safiah Karim, 1979:10).

6. Bahasa Melayu (BM)

Bagi masyarakat Melayu, alat perhubungan yang dipakai sejak berabad-abad ialah bahasa Melayu (BM). BM, pada dasarnya, merupakan suatu kontinuum dialek

iaitu sejumlah dialek yang mempunyai hubungan antara satu sama lain daripada segi geografi dan kekeluargaan (Arbak Othman, 1981:1-2).

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, BM telah menjadi bahasa kebangsaan negara ini memandangkan keefektifan dan keefisiennan dalam pemakaiannya selain struktur gramatikalnya yang lebih konsisten dan sistematik. Bagaimanapun, setelah peristiwa 13 Mei, 1969, nama BM diubah dan disesuaikan dengan potensi kepentingan masyarakat lingkungan (Mohd. Azemi Yusoff, 1986:94-95).

Dengan itu, nama bahasa kebangsaan negara ini dikenali sebagai bahasa Malaysia.

Perubahan dan penyesuaian nama BM kepada bahasa Malaysia juga bertujuan untuk menonjolkan identiti negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Untuk tujuan tesis ini, nama BM akan digunakan.